

# Bagaimana jaga **anak kucing**

**Memelihara** dan mengambil anak kucing untuk dijadikan haiwan peliharaan adalah satu tanggungjawab besar. Ramai beranggapan tugas memelihara anak kucing mudah tetapi tahukah anda sekiranya anak kucing belum putus susu dengan ibunya, ia sedikit merumitkan.

Anak kucing yang masih memerlukan susuan (orphaned kitten) berlaku kerana kematian ibu atau ditinggalkan ibu kucing. Anak kucing seperti juga bayi perlukan hubungan kasih sayang dan jagaan rapi.

Fakta yang perlu diketahui ialah, anak kucing memerlukan susu dari ibunya sejak dilahirkan hingga usia empat minggu. Selepas usia ini anak kucing akan kurang menyusu dan mula merasa lapar.

Inilah permulaan untuknya mula makan makanan lembut (weaning phase). Untuk menjaga anak kucing sebegini memerlukan komitmen kerana ia sering memerlukan penjagaan dan pemantauan yang rumit.

Berikut adalah beberapa perkara yang perlu dilakukan sekiranya anda mengambil anak kucing untuk dipelihara.

**1 Tempat tidur**

Buat tempat tidur yang selesa dan jika boleh pastikan dinding sekeliling tempat tidurnya tertutup. Kebiasaannya gunakan kotak kasut atau bakul sebagai tempat tidur anak kucing terbiar sebegini.

**2 Selimut**

Gunakan selimut, cebisan kain atau tuala bersaiz kecil untuk diletakkan dalam kotak atau bakul tadi supaya anak kucing boleh tidur di bawahnya selain dijadikan alas tidur.

**3 Alat pemanas**

Jika di luar negara terdapat alatan khas sebagai alat pemanas untuk haiwan seperti heating pad. Caranya hanya perlu letakkan heating pad di bawah alas tidur anak kucing tersebut.

Namun jika tiada gunakan lampu meja yang boleh dilentur dan letakkan berdekatan dengan tempat tidur anak kucing. Ini bagi mengekalkan dan mengawal suhu tempat tidur anak kucing. Namun perlu dikawal suhu kepanasan agar tidak terlalu sejuk dan terlalu panas. Ini kerana jika terlalu panas akan mencederakan kucing dan sekali gus membuat kucing menjadi dehydrate.

**4 Botol susu dan puting susu**

Bertujuan menyusukan anak kucing dan boleh banyak didapati di kedai haiwan peliharaan. Juga terdapat pek lengkap yang mengandungi berus botol dan puting botol susu tambahan. Jika lubang puting susu terlalu halus, besarkan lubang tersebut dengan menggunakan jarum yang telah dipanaskan.

**5 Susu**

Seboleh-bolehnya gunakan susu formula sebagai ganti susu ibu kucing (milk replacer) yang terdapat di kedai haiwan dan bukannya susu kotak biasa yang boleh didapati di kedai runcit. Ini kerana susu biasa mengandungi susu lembu atau susu kambing dan susu sebegini mengandungi laktosa (lactose) yang susah di hadam oleh kucing terutama anak kucing yang kemudiannya mengakibatkan cirit birit.

Juga pastikan susu tersebut suam. Beri susu dalam keadaan anak kucing berdiri - ke dua-dua kaki belakang di lantai. Jangan susukan anak kucing jika belakang badannya di lantai. Dalam erti kata lain perutnya ke atas (terlentang).

Jika disusukan secara ini, anak kucing akan mudah tercekik dan selesai menyusukan, sapu atau memicit perlahan perut/abdomen anak kucing. Bukan hanya bayi yang perlu disendawakan, anak kucing juga perlu melalui rutin yang sama dengan letakkan di lengan dan tepuk belakang anak kucing dengan perlahan.

**6 Kapas**

Anak kucing yang baru lahir tidak boleh mengawal otot sistem perkumuhan dengan sendiri tanpa rangsangan. Ibu kucing selalunya akan menjilat kawasan punggung anak-anaknya untuk memudahkan anak kucing kencing dan berak. Inilah yang anda kena lakukan. Gunakan kapas dan basahkan dengan air suam, sapu kapas tersebut dengan gerakan bulatan secara perlahan di kawasan anal anak kucing (bertujuan merangsang) sehingga dia berupaya mengeluarkan kumuhan berwarna kuning.

Perkara lain gunakan berus lembut seperti berus gigi untuk menyikat bulu anak kucing agar tidak bersimpul. Jika matanya kotor, bersihkannya menggunakan kapas dan air.

Sedikit minyak bayi boleh digunakan untuk melembapkan kulit anak kucing yang mudah mengering.

**7 TAHUN**
lalu Hairey bertemu Hero

**45 MINIT**
Hero terbaring kesakitan, darah sudah kering

**5 BULAN**
Hairey merawat Hero dan kembali sembuh sepenuhnya



# Si comel **kudung**



» *Hero cacat apabila* ***dua kaki*** *depannya* ***dipotong*** *manusia tidak berhati perut*



Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bharian.com.my

**K**ali pertama melihat Hero yang kudung kedua kaki depannya di depan mata, terdetik perasaan kasihan, geram dan memikirkan betapa kejamnya manusia sehingga tergamak berkelakuan kejam.

Namun Hero tetap tenang. Kehidupannya tetap diteruskan seperti biasa. Beruntunglah Hero kerana masih ada manusia yang bersimpati dan menyimpan perasaan kasih serta sayang pada dirinya.

Justeru, terubat juga hati Hero walaupun terpaksa meneruskan hidup dengan kecacatan. Raut wajah Hero memang mengundang rasa simpati. Daripada dipotong kedua-dua kaki depannya, mungkin adalah lebih baik kalau dibunuh saja si Hero ini agar tidak menanggung derita.

Itulah kisah Hero, kucing yang dipotong kaki depannya oleh individu yang tidak dikenali hanya kerana mencuri ikan dan dibiarkan hampir sejam dalam keadaan yang menyayat hati.

Mujurlah ada insan berhati

**16 EKOR** kucing yang dimiliki Hairey

**RM1,000** diperuntukkan untuk membeli makanan kucing







mulia sanggup mengutip Hero dan membawanya pulang untuk dirawat walaupun ketika itu dia tidak mempunyai cukup wang untuk menghantar Hero ke klinik haiwan.

Mohd Hairey Yahya, 33, adalah insan yang menyelamatkan Hero atas dasar kemanusiaan dan kasih sayang di antara manusia dan haiwan.

Menyingkap kembali peristiwa yang berlaku tujuh tahun dulu, Hairey menyatakan pertemuan pertamanya dengan Hero terjadi secara tidak sengaja.

Ketika itu dia dalam perjalanan pulang dari tempat kerja ternampak sekumpulan orang berkerumun di depan kedai tersebut.

"Apabila saya menjengah, saya ternampak Hero terbaring tanpa kaki hadapan dan dalam keadaan yang tercungap-cungap. Juga terdapat darah yang banyak keluar dari tempat lukanya.

"Sempat juga saya tanya budak-budak yang ada dekat situ, apa yang terjadi, mereka kata ada seorang individu mencampakkan Hero di situ. Hampir 45 minit juga terbaring sebab saya lihat darah pun sudah kering," katanya.

**Sapu minyak gamat**

Ketika itulah terdetik di hati kecilnya untuk melakukan sesuatu terhadap Hero. Hairey terus membalut Hero dengan jaket dan membawa pulang ke rumah.

Hasrat asalnya ingin membawa ke klinik haiwan tetapi disebabkan faktor kewangan ketika itu membantutkan usaha dan dia tekad untuk merawat Hero sendiri di rumah. Hampir sebulan Hairey merawat Hero dengan menyapu minyak gamat di kawasan luka dan membalut dengan kain.

"Hero mengambil masa lima bulan untuk sembuh sepenuhnya," katanya.

Hati mana tidak berasa sedih apabila sepanjang tempoh rawatan ini, Hero hanya mampu duduk dan mengiring. Biji matanya yang jernih dengan raut wajahnya yang pilu memang mengundang rasa sebak bagi mereka yang melihatnya.

"Memang banyak kesabaran yang perlu saya hadapi. Namun disebabkan rasa sayang saya anggap ini sebagai fardu kifayah saya sesama makhluk Allah," katanya.

Bercerita lebih lanjut mengenai dirinya dan kucing, Hairey menyatakan sedari kecil lagi dia didedahkan dengan kucing kerana keluarganya turut memelihara banyak kucing.

"Saya pernah ada sampai 32 kucing namun buat masa sekarang saya hanya mempunyai 16 kucing. Ada antaranya sudah diambil orang dan mati kerana sudah tua dan sakit," katanya.

Setiap bulan Hairey memperuntukkan hampir RM1,000 untuk membeli makanan kucing. Jika ada kucing yang diselamatkan olehnya, akan dibawa ke klinik haiwan untuk mendapatkan suntikan sebelum diasingkan untuk dikuarantinkan seketika.

Pada awal pembabitannya dalam dunia menyelamatkan kucing jalanan, Hairey terpaksa menggunakan duit sendiri dan pernah juga dia dan isteri terpaksa mengikat perut asalkan dapat menyelamatkan kucing jalanan.

Namun kini setelah kisah Hero dan dirinya semakin diketahui umum, rezekinya semakin murah kerana banyak pihak tampil memberikan bantuan seperti makanan dan peralatan kucing.

"SAYA TERNAMPAK HERO TERBARING TANPA KAKI HADAPAN DAN DALAM KEADAAN YANG TERCUNGAP-CUNGAP. JUGA TERDAPAT DARAH YANG BANYAK KELUAR DARI TEMPAT LUKANYA"



***Mohd Hairey Yahya**, Pemilik Hero*